



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Penjawat awam lesap RM413,000
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 8 November 2022

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 23

Penjawat awam lesap RM413,000

Mangsa diperdaya sindiket Macau Scam menyamar pegawai polis

Oleh **Essa Abu Yamin**
bhnews@bh.com.my

Batu Pahat: Seorang warga emas kerugian RM413,000 akibat diperdaya sindiket Macau Scam, selepas menerima panggilan telefon dari individu yang menyamar sebagai pegawai polis.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat Asisten Komisioner, Ismail Dolah, berkata mangsa seorang pen-

jawat awam berusia 60 tahun juga menerima panggilan telefon daripada individu yang mendakwa pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

“Menerusi panggilan telefon berkenaan, suspek menyatakan mangsa mempunyai tunggakan cukai.

“Selepas mangsa menafikan tunggakan berkenaan, panggilan itu kemudian disambung kepada

‘pegawai polis’ daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak,” katanya dalam kenyataan.

Ismail berkata, menerusi panggilan telefon berkenaan, suspek menyatakan maklumat peribadi mangsa terbabit dalam jenayah perubahan wang haram dan penyalahgunaan dadah.

“Suspek mengarahkan mangsa untuk memindahkan semua wang dalam akaun mangsa ke

dalam akaun ‘mule’ yang diberikan oleh suspek bagi tujuan ‘siasatan’.

“Mangsa yang percaya dengan kata-kata suspek, membuat pembayaran RM413,000 secara berperingkat,” katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun dan sebatan serta denda.